

BELANJAWAN: Bakal Pegawai ATM Disyarat Ada Ijazah Sarjana Muda Keujian Bernama
28 September, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Individu yang berminat untuk menjadi pegawai dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) disyaratkan memiliki kelulusan ijazah sarjana muda keujian dalam mana-mana bidang sebelum menyertai pasukan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan perkara itu, berkata syarat baharu itu bertujuan memastikan ATM mempunyai modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi sesuai dengan keperluan semasa dunia ketenteraan.

Ketika membentangkan Belanjawan 2013 di Dewan Rakyat di sini Jumaat, Najib berkata kerajaan juga menetapkan bagi askar laskar, kelayakan masuk minimum turut ditingkatkan ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Diploma berdasarkan skop dan bidang tugas.

Terdahulu, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mempraktik syarat kemasukan sebagai pegawai dalam pasukan itu perlu memiliki kelulusan sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda dalam mana-mana bidang bermula tahun lepas.

Sebelum ini pegawai yang dilantik ke dalam pasukan ATM hanya memegang SPM atau setaraf dengannya.

Perdana Menteri berkata keunikan dalam perkhidmatan ATM juga diambil kira dan untuk itu kerajaan bersetuju meningkatkan peluang kenaikan pangkat anggotanya melalui kaedah 'time-based' di mana anggota berpangkat prebet boleh dinaikkan ke pangkat Lans Koperal dan Lans Koperal ke Koperal dalam tempoh lapan tahun.

Najib berkata kenaikan pangkat itu juga turut mengambil kira prestasi serta syarat-syarat tertentu yang telah dipenuhi anggota berkenaan.

Beliau berkata penambahbaikan skim perkhidmatan ATM juga bagi membolehkan setiap anggota meningkatkan peluang memajukan diri dalam kerjaya selain memotivasikan anggota ATM.

"Usaha ini akan memberi faedah kepada seramai 78,123 anggota dan melibatkan peruntukan sebanyak RM107 juta," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698141>